

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.11.2017

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pemesanan 8 pesawat penumpang Boeing 787 Dreamliners dan 8 pesawat Boeing 737 MAX yang dimeterai di Amerika Syarikat pada September 2017 itu akan dibiayai secara langsung oleh Malaysia Airlines atau oleh pihak ketiga yang tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perjanjian yang ditandatangani di Amerika Syarikat bagi pembelian 8 buah pesawat penumpang Boeing 787 Dreamliners dan 8 buah pesawat Boeing 737 MAX merupakan *non-binding*

Memorandum of Understanding (MOU) dan memerlukan rundingan lanjut sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan. MOU berkenaan merupakan satu platform rundingan yang baik kepada MAB sebelum sebarang keputusan pembelian pesawat dibuat oleh syarikat. Pembiayaan pembelian pesawat-pesawat ini akan dibuat secara pajakan sama ada secara *operating lease* atau *finance lease* bergantung kepada rundingan kelak. Bayaran sewa pajakan akan menggunakan peruntukan daripada hasil operasi syarikat.